

>>Pasangan sertai aktiviti secara sukarela pada hujung minggu

Perit akibat 'musuh kecil'

Harian metro
27/2/17
mls 14

■ Pasangan hilang anak, adik akibat demam denggi sertai pelbagai aktiviti banteras aedes

Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pernah merasa perit kehilangan anak dan adik pada tahun sama akibat jangkitan denggi, membuatkan pasangan suami isteri ini nekad tidak mau lagi ada lagi orang lain menjadi mangsa.

Sejak itu, Fatimah Ismail, 49, dan suaminya, Zaini Husin, 56, tidak duduk diam malah giat menyertai pelbagai aktiviti membanteras aedes termasuk gotong-roiyong serta mengedarkan risalah, selain bertindak sebagai penasihat awam bagi meningkatkan tahap kesedaran terhadap ancaman berkenaan.

Menurut Fatimah, dia dan suaminya melakukan aktiviti secara sukarela pada hujung minggu di kawasan kejiranan, sekolah dan lokasi

NEGERI	JUMLAH KES DENGGI			
	Hingga minggu ketujuh 2017		Hingga minggu ketujuh 2016	
	Kes	Mati	Kes	Mati
Perlis	30	0	43	0
Kedah	186	1	158	1
P Pinang	294	4	1,118	9
Perak	998	4	852	0
Selangor	6,693	6	11,201	17
WPKL & Putrajaya	1,008	8	1,492	2
N Sembilan	490	4	612	5
Melaka	298	0	506	1
Johor	906	4	3,417	2
Pahang	365	0	567	2
Terengganu	49	0	1,016	8
Kelantan	659	0	456	0
Sarawak	284	1	327	3
Sabah	316	2	751	1
WP Labuan	0	0	2	0
JUMLAH	12,576	34	22,518	51

*Sumber: Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

"Apabila ada gotong-roiyong atau aktiviti denggi, kami pasti tawarkan diri membantu apa yang patut," katanya.

Sementara itu, Muhammad Azim Izzuddeen Baharul Azni, 23, pula menyifatkan pengalaman diserang demam denggi tahap serius pada Ogos lalu sesuatu yang tidak mungkin dilupakan seumur hidup.

"Saya terlantar selama tujuh hari di hospital dan bacaan platlet darah saya pernah turun mencecah lima.

"Pada waktu itu, saya rasa macam nyawa sudah dihujung tanduk sebab badan amat lemah.

"Dada saya sakit dan sukar bernafas, mata pula merah dan berasa pedih serta berat badan susut kerana tak lalu makan," katanya.

Menurutnya, selepas dipantau dan dimasukkan air tiga hingga lima liter sehari, akhirnya bacaan platlet



FATIMAH (dua dari kiri) bersama Zaini (kiri) mengedarkan risalah kepada orang awam.

umur masih panjang," katanya.

Katanya, sejak itu dia mengamalkan langkah kawalan sendiri di rumah sewanya di Kampung Baru dan lebih berwaspada.

"Setiap hari sa-

ya pakai krim repelan dan memasang kelambu ketika tidur. Sekurang-kurangnya sekali seminggu, saya dan rakan serumah bergotong-roiyong membersihkan kawasan rumah supaya bebas pembiakan nyamuk.

"Bagi saya, ini tang-

tupuan awam.

Mengimbas kembali peristiwa hitam itu, Fatimah berkata, tiga anaknya dijangkiti denggi pada Januari 2015, namun anak ketiganya tidak dapat dapat diselamatkan.

“Sebenarnya sebelum me-

reka, saya terlebih dulu dijangkiti denggi pada akhir Disember 2014, diikuti tiga anak perempuan saya.

“Dua anak saya sembuh,

namun nasib tak menyebelahi anak ketiga apabila dia tidak dapat bertahan dan meninggal dunia.

“Pada mulanya dia cuma dijangkiti denggi biasa tapi kami tak sangka virus itu begitu cepat menyerang organ dalamnya,” katanya.

Menurutnya, belum pun hilang kesedihannya, adiknya Hamidah, 39, meninggal dunia akibat denggi dua bulan selepas itu.

“Walaupun reda, timbul juga rasa ralat sebab denggi bukan penyakit tetapi satu wabak yang boleh dicegah dan dikawal sejak dari awal lagi.

“Justeru, kerana tak mahu lagi lihat orang lain menjadi mangsa dan berasa peritnya apa yang kami rasa selepas kehilangan insan tersayang, kami nekad lakukan sesuatu untuk komuniti.

darahnya semakin meningkat.

“Walaupun dibenarkan balik rumah seminggu selepas itu, saya masih tidak sembuh sepenuhnya dan badan masih rasa lemah lebih kurang sebulan.

“Saya serik tetapi bersyukur kerana

“Apabila ada gotong-royong atau aktiviti berkaitan denggi kami pasti tawarkan diri Fatimah Ismail”

atau pelaksana kawalan penyakit itu sendiri.

“Bukan saja KKM, malah PBT dan komuniti juga terbabit dalam pengurusan persekitaran dengan mencegah serta meminimumkan perhubungan manusia dan vektor.

“Fokus kita lebih kepada mencari penyelesaian punca masalah denggi dan perangi

gungjawab bersama kerana wabak ini tak mengenal siapa untuk menyerang kerana ia cepat merebak,” katanya.



MUHAMMAD Azim (kanan) ketika menjalani rawatan di HKL akibat diserang denggi pada Ogos lalu.



Segera laksana pelan kawalan atasi penularan penyakit

rangi habis-habisan punca masalah penularan virus.

“Menerusi pelan ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjalankan konsep Tocosure iaitu satu liputan kawalan ke atas semua premis luar dan dalam membabitkan 200 meter radius selama tiga hari selepas kes denggi didaftarkan di sesebuah kawasan.

“Selepas itu, kawasan berkenaan turut diperiksa secara menyeluruh setiap minggu berbanding sebelum ini hanya sekali saja.

“Tujuannya untuk mengelakkan nyamuk di kawasan kes bertelur dan membiak menjadi ejen pembawa penyakit,” katanya.

Menurutnya, pelan yang diguna pakai sebelum ini ia-

itu Pelan Strategik Kawalan Denggi Kebangsaan hanya menumpukan kawalan denggi tetapi kali ini ia lebih menyeluruh dalam menyediakan langkah pencegahan sebelum denggi menjangkiti masyarakat.

“Paling penting kita mahu sistem kesihatan awam ditingkatkan dan harus bermula daripada kakitangan

habis-habisan tempat pembiakan nyamuk,” katanya.

Beliau yang juga Prof Madya Parasitologi dan Entomologi Perubatan Fakulti Sains Kesihatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), berkata komuniti perlu memainkan peranan penting untuk memastikan usaha dilakukan ini terlaksana dengan jayanya.

Kuala Lumpur: Pelaksanaan Pelan Strategik Kawalan Nyamuk Aedes Kebangsaan perlu disegerakan bagi mengatasi masalah penularan jangkitan penyakit bawaan virus seperti denggi, zika dan chikungunya.

Pakar akademik penyakit berasaskan vektor di Asia Tenggara Dr Hidayatul Fathi Othman berkata, pelan ini berupaya mengawal pembiakan nyamuk aedes berikutan memberi fokus pe-

>> Terdapat **perubahan** jenis virus dari DEN 2 kepada DEN 3 **berlaku** dalam kalangan komuniti



HARIAN METRO

Kitaran ganas denggi

Harian Metro
27/2/17
MS 15

■ Kes jangkitan, kematian dijangka meningkat dalam beberapa bulan lagi

Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kes jangkitan dan kematian akibat denggi di negara ini dijangka mengalami trend peningkatan untuk tempoh beberapa bulan akan datang disebabkan per-

poh sama tahun lalu.

“Justeru, masyarakat diminta berwaspada dan sekiranya menghidap demam, mereka dinasihatkan mendapatkan rawatan segera sama ada di klinik atau hospital bagi mengelak komplikasi lebih serius atau kematian,” katanya.

Katanya, masyarakat perlu memastikan persekitaran kediaman masing-masing bersih



PEKERJA Unit Vektor Majlis Perbandaran Klang melakukan semburan bagi membunuh nyamuk aedes di sekitar perumahan Klang Utama. Gambar kecil, bekas takungan mengandungi jentik-jentik.

akan datang disebabkan perubahan jenis virus daripada DEN 2 kepada DEN 3.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, virus denggi mempunyai empat jenis merangkumi DEN 1, 2, 3 dan 4 yang boleh menjadi ancaman kepada manusia.

“Awal tahun ini, terdapat perubahan jenis virus dari DEN 2 kepada DEN 3 berlaku dalam kalangan komuniti.

“Oleh kerana ramai komuniti yang belum imun terhadap jenis DEN 3 ini, maka ia boleh menyebabkan peningkatan kes dan kematian denggi untuk beberapa bulan akan datang,” katanya.

Menurutnya, sejak dua minggu kebelakangan ini, kes denggi di seluruh negara menunjukkan trend peningkatan 15.3 peratus (254 kes) apabila 1,915 kes dilaporkan berbanding 1,661 pada minggu ke enam tahun ini.

“Bagi jumlah kes denggi terkumpul dilaporkan dari Januari hingga 18 Februari lalu pula didapati menurun 44.2 peratus membabitkan 12,576 kes saja berbanding 22,518 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

“Daripada jumlah itu, sebanyak 34 kematian direkodkan berbanding 51 kematian bagi tem-


diaman masing-masing bersih serta bebas daripada pembiakan nyamuk aedes berikutan tindakan pencegahan daripada komuniti dan individu ini membantu mengurangkan populasi nyamuk aedes sebagai penyebar virus denggi dalam kalangan manusia.

“Beberapa faktor dikenal pasti menyebabkan peningkatan kes ialah persekitaran tidak bersih dan banyak bekas berpotensi menakung air boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes ditambah pula dengan tabiat masyarakat membuang sampah merata-rata menjadikan lebih banyak tempat pembiakan.

“Selain itu, perubahan cuaca apabila musim hujan, banyak takungan air dan memudahkan nyamuk mencari tempat bertelur dan meningkatkan populasi nyamuk sebagai penyebar virus denggi dalam kalangan komuniti.

“Pada masa sama, faktor perumahan (host) di mana individu dijangkiti virus bergerak secara meluas dengan kemudahan pengangkutan awam masa kini menyebabkan sebaran virus ini lebih cepat berlaku di kawasan baru,” katanya.

Sementara itu, berdasarkan maklumat daripada Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan Selangor mencatatkan jumlah kes denggi tertinggi iaitu 6,693 dengan enam kematian untuk tempoh 5 hingga 18 Februari lalu.



**“ Ramai komuniti belum imun terhadap jenis DEN 3
Dr Noor Hisham Abdullah ”**